



SIARAN AKHBAR

S.A. 2019/10/64 (HQ)

YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI LANCAR DERMASISWA MYBF

- Ditawarkan kepada lebih 4,500 penuntut dari keluarga B40
- Untuk penuntut di tujuh universiti awam, 13 politeknik & 13 kolej komuniti

YAB Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail melancarkan program dermasiswa *My Brighter Future* (MyBF) yang diberikan Tenaga Nasional Berhad (TNB) kepada para pelajar dalam kalangan keluarga berpendapatan terendah, B40, semalam.

Sebagai Penggerak Kemajuan Negara selama 70 tahun, TNB juga berperanan membangunkan modal insan negara melalui penyediaan peluang pendidikan untuk membantu kerajaan meningkatkan taraf hidup rakyat.

"Sejak 1993, TNB menerusi Yayasan Tenaga Nasional (YTN) telah membelanjakan lebih RM1 bilion sebagai biasiswa dan pinjaman bagi membolehkan lebih 12,000 pelajar mengikuti pengajian dalam bidang kejuruteraan, perakaunan dan pengajian bisnes, di universiti di dalam dan di luar negara," kata pengurusnya, Tan Sri Leo Moggie.

Dermasiswa MyBF ini pula adalah yang pertama seumpamanya kerana setiap pelajar yang dipilih adalah dari kalangan keluarga B40 dan diterima masuk ke institusi pengajian. Penerima tidak perlu membayar semula tajaan yang diberikan selepas menamatkan pengajian dan mereka juga tidak dikenakan sebarang kontrak maupun ikatan.

"Sebab itu ramai yang terkejut menerima tawaran ini, yang bersekali dengan tawaran kemasukan ke universiti, sehingga ada yang berasa sukar untuk mempercayainya," kata Moggie.

Dalam ucapan pelancaran Dermasiswa MyBF, YAB Perdana Menteri, Dato Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail mengumumkan, tahun ini ia ditawarkan kepada 1,000 lagi penuntut pengajian ijazah sarjana muda dan 1,000 peringkat diploma di universiti yang sama. Dermasiswa ini turut ditawarkan kepada 1,000 penuntut yang melanjutkan pelajaran di peringkat diploma di 13 politeknik dan 538 penuntut di peringkat sijil di 13 kolej komuniti dalam bidang *Technical Vocational Education and Training* (TVET).

Keseluruhannya, lebih 4,500 pelajar dari 33 buah institusi pengajian di seluruh negara telah diberi tawaran dermasiswa MyBF setakat ini. Setiap pelajar di peringkat ijazah pertama menerima dermasiswa tahunan berjumlah RM10,000, diploma RM9,000 dan sijil RM6,600.

Jumlah ini meliputi yuran pengajian, penginapan, pembelian buku serta elauan sara hidup.

S.A. 2019/09/61 (HQ)

Program dermasiswa MyBF ini dilaksanakan TNB dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang mana KPM menyelaras usaha untuk mengenal pasti calon yang layak. KPM juga membuat padanan dengan pangkalan data e-Kasih yang dikendalikan oleh Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.

MyBF bukan sahaja dapat meringankan beban ibubapa dan penjaga berpendapatan rendah menampung kos pengajian anak mereka di peringkat universiti, malah membolehkan penerima biasa membangunkan kerjaya demi masa depan sendiri dan keluarga, ujar Moggie lagi.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 5 Oktober 2019, jam 12.00 tengah hari

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Norfadzilah Shaary at 019-3369681) /
Grace Tan at 016-6626229 / Muhammad Nasiruddin Aziz di talian 018-9434524
atau emel ke media@tnb.com.my*